

Umno negeri2 akan adakan sidang khas

KUALA LUMPUR, Selasa — Badan-badan Perhubungan Umno di beberapa buah negeri akan mengadakan mesyuarat khas dalam minggu ini untuk menetapkan pendirian masing-masing mengenai masalah pindaan Perlembagaan yang dihadapi sekarang.

Sekurang-kurangnya dua buah Badan Perhubungan — Perlis dan Melaka — telah menetapkan tarikh mesyuarat masing-masing.

Perlis akan bermesyuarat pada hari Khamis ini sementara Badan Perhubungan Umno Melaka pula akan bermesyuarat pada hari Ahad.

Ini adalah berikutan kenyataan terbuka yang dibuat oleh Raja Perlis semalam yang antara lain meminta rakyat Perlis supaya jangan bertindak seperti negeri-negeri lain berhubung dengan isu itu.

Adalah difahamkan bahawa kedua-dua bahagian Umno di negeri itu — Arau dan Kangar — telah mengadakan mesyuarat masing-masing untuk membincangkan masalah itu.

Bahagian Kangar dikatakan telah mengambil 'keputusan tertentu' dalam mesyuarat itu sementara mesyuarat Bahagian Arau diberitakan tidak mencapai apa-apa keputusan.

● Di Melaka. Setiausaha Perhubungan, Datuk Mat Di Abdul Ghani berkata semua ketua bahagian di negeri itu telah dijemput menghadiri mesyuarat khas Ahad ini.

Mesyuarat ini dianggap cuma sebagai satu 'formaliti' kerana keempat-empat bahagian di negeri itu telah mengadakan mesyuarat masing-masing dan mengambil keputusan menyokong Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen Ogos lalu.

Bahagian-bahagian itu ialah Aior Gajah, Batu Berendam, Jasin dan Kota Melaka.

Kesulitan

Bahagian-bahagian itu juga berikrar akan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan parti dalam menghadapi kesulitan sekarang.

Selain kedua-dua negeri ini, Umno Negeri Sembilan dan bahagian-bahagian Umno di Kedah serta Pulau Pinang telah menyatakan sokongan masing-masing kepada sebarang langkah yang diambil oleh pucuk pimpinan parti untuk menyelesaikan kebuntuan sekarang.

Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Ketua-Ketua Menteri Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak menduduki Badan Perhubungan Umno negeri masing-masing sama ada sebagai ketua atau timbalan ketua perhubungan.

Anggota-anggota lain dalam Badan Perhubungan Umno Negeri ialah ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua Pergerakan Pemuda serta Wanita negeri.

Pendirian-pendirian Badan Perhubungan Umno di negeri-negeri lain masih belum diketahui umum kerana mereka masih belum membuat sebarang kenyataan terbuka.

Memelihara

● Di Ipoh, Menteri Besar Perak, Encik Ramli Ngah Talib yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno Negeri tidak dapat dihubungi hari ini.

● Di Kuantan, Setiausaha Perhubungan, Haji Abdul Hamid Latif berkata pihaknya tidak bercadang mengadakan sebarang mesyuarat khas untuk membincangkan perkara pindaan Perlembagaan itu.

Ketua Perhubungan, Menteri Besar Datuk Najib Tun Razak kini di Taiwan mengotuai rombongan galakan pelaburan negeri itu.

Bagaimanapun, Datuk Najib yang juga Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda dalam kenyataannya di sini selepas perhimpunan agong khas Pemuda baru-baru ini berkata sokongan pihaknya terhadap pindaan Perlembagaan ini tidak seharusnya diragu-ragukan.

Beliau berkata latar belakang keluarganya tidak ada kena mengena dengan pendiriannya itu.

● Di Kuala Terengganu, seorang anggota Badan Perhubungan berkata pihaknya tidak mempunyai sebarang ulasan tentang isu yang dihadapi sekarang.

Ini ialah kerana mereka ingin 'memelihara' hubungan mereka dengan istana yang dikatakan 'baik'.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani berkata pergerakan itu akan mengadakan mesyuarat khas Isnin ini untuk memberi penerangan lebih jelas tentang pindaan Perlembagaan itu kepada para anggotanya.

Mesyuarat tertutup itu akan juga dihadiri oleh Ketua-Ketua Pergerakan Wanita Negeri, timbalan-timbalan mereka serta Setiausaha-Setiausaha Badan Perhubungan Wanita Negeri. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia